

19 APR 1996

HORMATI NILAI TEMPATAN DAN SENSITIVITI, NASIHAT DR MAHATHIR

ZAGREB, 19 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan semula sektor swasta Malaysia yang menjalankan perniagaan di Croatia dan Bosnia-Herzegovina yang tugas utama mereka ialah untuk membantu membina semula kedua-dua negara Balkan itu.

Perdana Menteri berkata, mereka perlu menghormati undang-undang tempatan, nilai-nilai dan sensitiviti penduduk kedua-dua negara itu.

"Mesej saya kepada mereka ialah jangan mengeksploitasi apa-apa. Mereka harus menjadi warga korporat yang baik," kata beliau di satu persidangan berita di sini, semalam.

Dr Mahathir kini berada di Zagreb kerana lawatan kerja empat hari ke negara-negara Balkan untuk menggalakkan hubungan perdagangan dan membina semula bekas negara-negara republik Yugoslavia itu.

Mengenai lawatan ke Bosnia-Herzegovina hari ini, Perdana Menteri berkata beliau akan menyampaikan perutusan pemimpin-pemimpin Croatia yang mereka akan menyokong usaha-usaha ke arah memperkukuhkan Persekutuan Bosnia.

Mengenai perbincangan beliau dengan rakan sejawatannya di Croatia, membincangkan keadaan politik di rantau itu dan cara-cara memulihkan keamanan di negara-negara Balkan.

Beliau berkata, Malaysia dan Croatia juga menandatangani satu perjanjian bagi pemansuhan sebahagian daripada keperluan visa yang akan membenarkan rakyat kedua-dua negara itu untuk melawat selama 30 hari.

Sebelum itu, Dr Mahathir menemui wakil-wakil Pusat Islam Croatia, di RM50,400 dan RM33,600 lagi daripada Barisan Bertindak Bosnia.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Dr Mohd Nur Manuty turut hadir dalam pertemuan itu. -- BERNAMA

MOK PR